

TERKINI

- a Cina perlu sertai Dialog
- Jadikan Program Podium satu cabaran
- Larangan pekerja wanita bertudung hina Islam: Harussani
- Jaringan Hafidhafiz julang Perak
- Persiapan singkat punca kekalahan Malaysia: Vingada

Ibu masak, anak cemerlang!

ROSJULIANA HIDAYU ROSLI
30 OGOS 2017

- Facebook
- Twitter
- WhatsApp
- Email
- More 56



Seorang ibu juga akan memastikan anak-anak punya waktu kebersamaan iaitu menikmati makanan hasil dari air tangan mereka sendiri. - Foto: 123RF.COM

A- A+ (Ubah saiz teks)

IBU yang cemerlang melahirkan generasi gemilang. Jika dilihat dari konteks psikologi, seorang ibu yang berilmu dapat membentuk generasi berpengetahuan. Kehebatan seorang wanita bergelar ibu dalam membentuk dan mendidik anak-anak tertulis dalam sejarah Islam. Dalam era modenisme ini, kebanyakan ibu mempunyai kerjaya dan ini merupakan cabaran bagi mereka dalam membesarkan anak-anak. Amalan penyediaan makanan oleh golongan ibu bekerja amatlah dititikberatkan kerana makanan yang baik mempunyai hubungan kait dengan pertumbuhan manusia.

Sebagai ibu berkerjaya, penyediaan makanan yang halal dan bersih adalah bermula dari rumah. Ibu perlu memastikan anak-anak makan makanan yang dimasak sendiri biarpun mempunyai komitmen atau kerja. Hal ini kerana makanan yang baik membentuk pertumbuhan yang baik. Seperti kata ahli falsafah Ludwig Feuerbach: "Der Mensch ist, was er ißt atau dalam bahasa Inggeris: Man is what he eats".

Perkara ini membuktikan bahawa terbentuknya peribadi individu itu berdasarkan makanan yang diambil.

Kini kebanyakan ibu berkerjaya menyejukkan makanan dimasak bagi memastikan anak-anak memperoleh makanan yang baik dan bersih. Ada antara ibu ini yang sangat peka nutrisi makanan yang diambil anak-anak dan ini mendorong mereka terutama yang bekerja, bangun awal pagi demi menyediakan bekalan.

Masyarakat kini juga mula sedar akan kepentingan makanan halal dan bersih untuk tumbesaran anak-anak. Makanan yang halal dan berkat ada kaitannya dengan pembentukan peribadi dan tingkah laku manusia. Makanan yang halal dapat membentuk kekuatan jiwa manusia, juga dapat mempertingkatkan produktiviti individu.

Menyediakan makanan yang bersih dan halal juga merupakan satu kewajipan sebenarnya. Menjadi ibu moden pada era ini semestinya pilihan penyediaan makanan yang bersih dan halal sebolehnya ingin dipraktikkan. Selain itu, kini terdapat banyak restoran yang mendapat pengiktirafan halal oleh Jabatan Agama Kemajuan Islam Malaysia (Jakim).

Apabila berbicara berkaitan halal dan bersih, ia berkait rapat kerana sesebuah restoran atau premis menjual makanan tidak akan diiktiraf halal jika ia tidak bersih. Penilaian bagi pengiktirafan halal adalah sangat terperinci dan tiada keraguan.

Jika melihat kepada definisi 'halal' itu sendiri ialah: Halal berasal daripada kalimah Arab yang bermaksud dibenarkan atau dibolehkan hukum syarak. Takrif halal mengikut Perintah Perihal Dagangan (Penggunaan Perbhasaan 'Halal') 1975 adalah seperti berikut: Apabila digunakan berhubung makanan dalam apa juga bentuk iaitu dalam perjalanan perdagangan atau perniagaan sebagai suatu perihal dagangan atau sebagai sebahagian daripada suatu perihal dagangan yang dipakai bagi makanan itu, perbhasaan-perbhasaan 'Halal, Ditanggung Halal atau Makanan Islam' atau apa-apa perbhasaan lain yang menunjukkan atau mungkin difahamkan sebagai menunjukkan bahawa orang-orang Islam adalah dibenarkan agama mereka memakan makanan itu maka perbhasaan itu hendaklah mempunyai erti yang berikut, iaitu makanan yang berhubung dengan perbhasaan atau perbhasaan-perbhasaan itu digunakan.

Selain aspek halal dan bersih, semestinya ibu akan memasak makanan dengan memenuhi cita rasa anak-anak mereka. Seorang ibu juga akan memastikan anak-anak punya waktu kebersamaan iaitu menikmati makanan hasil dari air tangan mereka sendiri. Apabila seorang ibu itu memasak dengan rasa kasih dan sayang pastinya makanan itu mendapat lebih keberkatan. Seperti kata hikmah Inggeris dari seorang pengasas, penulis blog makanan dan fesyen terkenal Camille Styles; "Nothing brings people together like good food."

Seorang pelajar tahfiz yang memperoleh 10A di dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) berkongsi cerita, beliau hanya makan makanan hasil masakan ibunya. Dan, apa yang dapat dilihat dari konsistensi pengambilan masakan ibu, beliau mudah menghafal, mudah belajar dan hasil dari praktis ini juga beliau kini menjadi pelajar cemerlang sama ada dari sudut disiplin diri dan juga akademik. Tiada yang lebih membahagiakan seorang ibu selain mendapat anak yang cemerlang rohani, jasmani dan juga akademik.

Google Custom Search

TOP 5 VIDEO PALING HANGAT

- 1 Mayat pemilik kedai cuci kereta dijumpai ditanam
- 2 Dibunuh angkara main cinta
- 3 'Jangan panggil kami Korea Utara'
- 4 Bajet 2018: Mengapa Pas berkecuali lagi?
- 5 Malaysia sekali lagi tewas 1-4 kepada Korea Utara

DAPATKAN BERITA SINAR HARIAN SETIAP HARI DI EMAIL ANDA.

Nama

Email

Saya telah memahami dan bersetuju dengan Polisi Data Peribadi Karangkraf di: <http://www.karangkraf.com/ppdk>

Langgan!

Apakah kesediaan parti politik membenarkan SPRM menyaring calon beri imej bersih kepada parti itu?

- Ya
- Tidak

Lihat Keputusan

DISYORKAN



Misteri 'ruang kosong'



Petani bunuh isteri curang, kekasih

Maka para ibu sekalian pastikan anak-anak anda makan makanan atau memperoleh makanan harian yang halal kerana ini secara tidak langsung anda sebenarnya sedang membentuk diri anda menjadi seorang ibu yang hebat, penyabar dan bersungguh-sungguh dalam menyediakan makanan halal buat anak-anak yang tercinta. Kerana makanan terbaik adalah daripada air tangan ibu sendiri.

**Penulis ialah guru Bahasa Pusat Bahasa Moden dan Sains Kemanusiaan & Pengetua Kolej Kediaman 3 Universiti Malaysia Pahang*



**Pelakon veteran
Ismail Mahmud
meninggal dunia**



**Harap keputusan
Nidzam tidak
dipengaruhi sesiap...**

<http://www.sinarharian.com.my/kampus/ibu-masak-anak-cemerlang-1.726886>